

MINAT UNTUK MENJADI USAHAWAN EKO- PELANCONGAN: KAJIAN DALAM KALANGAN PELAJAR

INTEREST IN BECOMING AN ECO-TOURISM ENTREPRENEUR: A STUDY AMONG STUDENTS

Mohliyarni binti Jaling¹
Helen binti Lau @ Abd. Kadir ²,
Dr. Dicky Wiwitan bin Toto Ngadiman³

¹ Politeknik Tawau Sabah (E-mail: mohliyarni@politawau.edu.my)

² Politeknik Tawau Sabah (E-mail: helen@politawau.edu.my)

³ Politeknik Tawau Sabah (E-mail: dicky@politawau.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025

Revised date : 16-2-2025

Accepted date : 24-3-2025

Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Jaling, M., Lau @ Abd. Kadir, H., Ngadiman, D. W. T. (2025). Minat untuk menjadi usahawan eko-pelancongan: Kajian dalam kalangan pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 431-439.

Abstrak: *Industri pelancongan dan hospitaliti merupakan salah satu segmen ekonomi Malaysia yang kian pesat berkembang. Perluasan dan pertumbuhan produk pelancongan yang meningkat telah mencipta kerjaya yang luas. Perkembangan industri eko-pelancongan telah menjadi trend terkini di Malaysia dan dunia amnya. Ini kerana aktiviti eko-pelancongan lebih menjurus kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang merupakan tujahan utama sebagai produk yang diketengahkan dalam rangka mempromosi kepelbagaian produk pelancongan. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana minat pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan eko-pelancongan serta mengenal pasti faktor yang mempengaruhi minat tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pendedaran soal selidik kepada pelajar di Politeknik Tawau Sabah. Pelajar juga meyakini bahawa bidang eko-pelancongan ini mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan mereka kelak ekoran daripada produk-produk eko-pelancongan ini lebih banyak diperolehi daripada alam semulajadi yang berada di komuniti mereka sendiri seperti flora, fauna, warisan tradisional, tanah tinggi, laut, hutan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran seperti kekurangan modal dan ilmu pengetahuan yang perlu diatasi oleh para pelajar sebelum terjun ke dalam bidang keusahawanan eko-pelancongan. Dapatan daripada kajian ini dapat membantu institusi pendidikan dan pihak berkepentingan dalam merangka strategi bagi meningkatkan kesedaran dan peluang keusahawanan dalam sektor eko-pelancongan.*

Kata Kunci: *Ekopelancongan, keusahawanan, minat pelajar, cabaran, faktor pengaruh.*

Abstract: *The tourism and hospitality industry are one of the fastest growing segments of the Malaysian economy. The expansion and growth of tourism products has created a wide range of careers. The development of the eco-tourism industry has become the latest trend in Malaysia and the world in general. This is because eco-tourism activities focus more on the preservation and conservation of the environment, which is the main thrust as a product that is highlighted*

to promote the diversity of tourism products. Therefore, this study aims to identify the extent of students' interest in venturing into the field of eco-tourism entrepreneurship and identify the factors that influence this interest. This study uses a quantitative approach by distributing questionnaires to students at Tawau Sabah Polytechnic. Students also believe that this field of eco-tourism has great potential to generate their income in the future due to the fact that these eco-tourism products are mostly obtained from the natural environment in their own communities such as flora, fauna, traditional heritage, highlands, sea, forests and others. However, there are several challenges such as lack of capital and knowledge that students need to overcome before venturing into the field of eco-tourism entrepreneurship. The findings from this study can assist educational institutions and stakeholders in formulating strategies to increase awareness and entrepreneurial opportunities in the eco-tourism sector.

Keywords: *Eco-tourism, entrepreneurship, student interest, challenges, influencing factors.*

Pengenalan

Pada tahun 2024, Malaysia mencatat 38 juta ketibaan pelawat, meningkat sebanyak 31.1% berbanding 2023. Sepuluh pasaran utama adalah Singapura, Indonesia, China, Thailand, Brunei, India, Filipina, Korea Selatan, Australia, dan Taiwan. (Malaysia Tourism Statistics, 2024) Peningkatan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa ini menunjukkan bahawa produk pelancongan yang diketengahkan oleh negara adalah sangat menepati kehendak dan keperluan mereka. Justeru itu produk pelancongan berasaskan eko-pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi yang berkembang pesat dalam industri pelancongan global. Ia bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ekonomi tetapi juga memastikan kelestarian alam sekitar terjaga dengan baik dan mampan. Secara amnya, eko-pelancongan bertumpu kepada interaksi dengan komponen alami dalam persekitaran semula jadi. (Sadry, 2021) Eko-pelancongan lazimnya melibatkan perjalanan ke destinasi di mana flora, fauna dan warisan budaya merupakan tarikan utama.

Justeru itu, eko-pelancongan telah diberikan perhatian serius dan mula dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK ke-7) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK ke-8) dan dilaksanakan secara serius melalui penubuhan Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan (NEP 2016-2025) pada tahun 2015 dan Dasar Pelancongan Negara 2021-2030, kerajaan telah mengenal pasti kawasan-kawasan di negara yang menjadi pecahan kluster eko-pelancongan, sekali gus menjadi agenda utama dalam pembangunan infrastruktur pelancongan negara. Dengan peningkatan kesedaran tentang kepentingan pelancongan mampan, eko-pelancongan menjadi bidang yang berpotensi dalam mewujudkan peluang keusahawanan. Namun, penyertaan usahawan muda dalam bidang ini masih rendah, dan minat mereka perlu dikaji untuk memahami faktor yang mempengaruhinya.

Eko-pelancongan merujuk kepada aktiviti pelancongan yang berasaskan alam semula jadi dengan penekanan kepada pemuliharaan dan manfaat kepada komuniti setempat. Berbeza dengan pelancongan konvensional yang lebih menumpukan kepada keuntungan ekonomi semata-mata, eko-pelancongan mengambil kira faktor kelestarian alam sekitar dan pembangunan sosio-ekonomi komuniti setempat. Antara destinasi eko-pelancongan yang popular yang boleh disenaraikan ialah di Taman Negara Kuala Tahan (Pahang), Taman Negara Pulau Pinang (Pulau Pinang), Pulau Perhentian dan Pulau Redang, (Terengganu), Taman Negara Gua Mulu (Sarawak), Santuari Gajah Kuala Gandah (Pahang), Taman Geo Kilim Karst, Langkawi (Kedah), Pulau Sipadan dan Pulau Mabul (Sabah), *Firefly Park* Kuala Selangor dan

lain – lain destinasi eko-pelancongan yang telah dibangunkan di seluruh negara. Jika dilihat produk eko-pelancongan ini sangat dekat dengan komuniti dan boleh diakses oleh penduduk setempat khususnya dan orang awam umumnya. Ciri-ciri alam semulajadi yang unik dan masih terjaga menjadi daya tarikan yang kuat bagi pelancong antarabangsa untuk datang ke Malaysia. Oleh itu, peluang keusahawanan dalam konteks eko-pelancongan melibatkan pembangunan produk atau perkhidmatan yang berorientasikan kelestarian alam sekitar dengan menerapkan elemen mesra alam, aktiviti pelancongan hijau dan penggunaan sumber tenaga boleh diterokai dan diperbaharui dalam operasi perniagaan.

Tawau merupakan salah satu bandar utama di Sabah yang juga merupakan salah satu destinasi pelancongan yang berteraskan eko-pelancongan tidak ketinggalan dalam mempelbagaikan produk untuk diketengahkan kepada pelancong dalam dan luar negara. *Teck Guan Cocoa Museum and Village, Maliau Basin Conservation Area, Bukit Gemok Forest Reserve, Balung Eco Resort* dan banyak lagi telah tersedia untuk dinikmati dan dialami oleh pelancong. Komuniti setempat telah mendapat pelbagai faedah ekoran daripada terkenalnya produk eko-pelancongan ini samada daripada aspek ekonomi, sosial mahupun budaya. Kesan pengganda yang wujud ekoran kehadiran pelancong ke kawasan berkenaan tidak dapat dinafikan dan menjadi panduan kepada komuniti lain untuk turut sama mempromosikan produk tempatan alam sekitar masing-masing. Ini sedikit sebanyak mewujudkan peluang keusahawanan di kalangan komuniti setempat dengan menyediakan perkhidmatan seperti pengangkutan, makanan dan minuman, kraftangan, pemandu pelancong, pemandu bot dan banyak lagi. Maka, secara tidak langsung akan meningkatkan taraf hidup kawasan berkenaan dari masa ke semasa. Maka tidak hairanlah Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM 2026) diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dengan meletakkan sasaran ketibaan seramai 35.6 juta pelawat antarabangsa dengan menjana nilai sebanyak RM147.1 bilion. Bagi merealisasikan hal tersebut, MOTAC mengadakan peluncuran Kempen TMM 2026 sebagai inisiatif menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama yang ideal (Nor Syamira, 2025).

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada isu yang dibincangkan diatas, kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti sejauh mana minat pelajar Politeknik Tawau Sabah untuk menjadi usahawan eko-pelancongan.

Sorotan Kajian

Eko-pelancongan adalah pengembaraan yang bertujuan untuk mewujudkan kesefahaman dalam persejarahan dan kebudayaan yang tergolong dalam persekitaran. Dalam erti kata lain, eko-pelancongan adalah suatu subset kepada industri pelancongan yang mencerminkan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan budaya tempatan (Fennell, 2020). Eko-pelancongan juga merupakan aktiviti pelancongan yang berterusan dan mencipta ruang yang menarik pelancong untuk meneroka kawasan berlandaskan ekologi buatan (Er & Nurul, 2013; Chistopher et al., 2016). Selain itu, eko-pelancongan memfokuskan kepada penjagaan ekosistem dan penghasilan faedah dalam bentuk ekonomi kepada kerajaan dan rakyat tempatan untuk memotivasikan pemuliharaan semula jadi (Goeldner et.al, 2000). Kekayaan negara termasuklah persekitaran semulajadi seperti kawasan hutan, gunung ganang, pulau, kawasan batu kapur dan lainnya menyediakan tarikan semulajadi yang unik serta menjanjikan pengalaman yang berharga buat para pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Dalam erti kata lain ianya adalah produk eko-pelancongan yang mana pembangunan aktiviti eko-pelancongan ini secara positif memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti tempatan

(Bansil et al., 2015). Eko-pelancongan merupakan industri yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan negara sekaligus memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk terlibat sebagai usahawan bagi membangunkan tahap sosioekonomi mereka. Eko-pelancongan terbukti berjaya memberi impak positif kepada sosio-ekonomi komuniti tempatan yang terlibat dalam pembangunan eko-pelancongan melalui peningkatan peluang dalam pekerjaan dan perniagaan serta menaik taraf kemudahan infrastruktur bagi kawasan yang terlibat (Mayan & Nurul, 2017). Ini dapat dibuktikan dengan usaha komuniti di Kampung Melangkap Tiong Sabah pada tahun 2023 yang mana tapak eko-pelancongan komuniti tersebut telah berjaya menjana RM10,000 sebulan. Hasil daripada keuntungan tersebut bukan sahaja dimanfaatkan seramai 119 ahli, malah dengan bantuan kerajaan penduduk berjaya menambah lebih banyak fasiliti seperti pondok rehat, dewan dan ruang sewaan kepada pelancong luar yang memerlukan. Tindakan ini menyebabkan wujudkan usahawan kecil-kecilan di kampung berkenaan dengan menyediakan perkhidmatan sampingan seperti *in house guide*, perkhidmatan penyediaan makanan, perkhidmatan pengangkutan dan lainnya.

Berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behavior - TPB*) yang diperkenalkan oleh Icek Ajzen pada tahun 1991 menyatakan bahawa niat seseorang untuk menjadi usahawan dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Dalam konteks eko-pelancongan, sikap positif terhadap pemeliharaan alam sekitar, dorongan sosial dan kepercayaan terhadap keupayaan diri untuk menjalankan perniagaan berasaskan pelancongan hijau boleh mempengaruhi minat seseorang untuk menjadi usahawan dalam bidang ini. Dalam konteks eko-pelancongan, inovasi memainkan peranan penting dalam mempromosikan amalan lestari. Ini termasuk penggunaan teknologi hijau, pembangunan produk pelancongan mampan atau pengenalan kepada amalan perniagaan mesra alam yang lebih efisien. Pemerkasaan eko-pelancongan di Malaysia adalah sejajar dengan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG17), yang mana kerajaan akan memastikan negara ini perlu mengekalkan kesuburan pohon-pohon dan hutan bagi daya tarikan pelancong pada masa akan datang. Ianya bertepatan dengan memberi peluang kepada komuniti setempat untuk melihat dan mencari potensi produk eko-pelancongan yang boleh dibangunkan dan diurus selia oleh penduduk setempat.

Seterunya, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa minat keusahawanan dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh faktor seperti persepsi, pendidikan keusahawanan, pengalaman praktikal, serta pendedahan kepada usahawan berjaya. Slyvia Nabila Azwa dan Dayang Haryani Diana (2016) menyatakan persepsi dan niat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan berhubung secara langsung dengan persepsi pelajar tentang kelebihan, kepuasan dan tarikan keusahawanan. Malahan Abdullahi et al. (2017) menyatakan, selain menggunakan teori tingkah laku terancang untuk menerangkan tentang niat keusahawanan, faktor sosio budaya dan sosio-ekonomi seseorang individu juga mempengaruhi niat seseorang individu untuk melibatkan diri sebagai usahawan. Tambahan lagi, kerajaan banyak membantu usahawan muda dari segi bantuan kewangan dan hal ini sedikit sebanyak mendorong kepada pertumbuhan IKS itu sendiri, kerana usahawan muda memerlukan sejumlah modal yang agak besar untuk melakukan sesuatu perniagaan (Zafir & Fazirah, 2007). Kerajaan melalui (Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) telah melancarkan beberapa geran untuk diberikan kepada pengusaha pelancongan yang berdaftar antaranya Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK), Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) dan banyak lagi. Tujuannya adalah untuk membantu dan menyuntik modal kepada pengusaha pelancongan dalam merangka dan menjana pendapatan masing-masing.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Christopher Perumal et. al (2016) memberi pendedahan mengenai pembangunan eko-pelancongan Sepang Gold Coast (SGC) yang telah memberi perubahan yang positif kepada persekitaran Bagan Lalang terutamanya dari aspek ekonomi. Kajian ini mendapati bahawa projek SGC membuka peluang pekerjaan seterusnya menjana pendapatan dalam perniagaan ke atas komuniti nelayan. Di samping itu, peluang ekonomi terbuka luas kepada segelintir komuniti dengan adanya kemasukan pelancong ke Bagan Lalang. Malah, pembangunan kawasan tersebut juga memberi impak yang positif kepada peningkatan nilai harta tanah serta penyediaan kemudahan asas. Hasil positif ini membuka minda dan mata para bakal usahawan muda untuk turut sama berganding bahu dan juga menggembleng tenaga dan pikiran untuk memajukan industri eko-pelancongan di komuniti masing-masing. Perkara ini diperakui juga oleh kajian Yahaya (2008) dimana pembangunan pelancongan yang dijalankan memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Ini disokong juga oleh Model Eko-pelancongan oleh Ross dan Wall (1999) yang menunjukkan bahawa industri eko-pelancongan akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan masyarakat setempat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Pemilihan reka bentuk ini bersesuaian dengan objektif kajian bagi mengenal pasti sejauh mana minat pelajar Politeknik Tawau Sabah untuk menjadi usahawan eko-pelancongan. Kajian ini dijalankan di Politeknik Tawau Sabah yang terletak di Jalan Balung, Tawau, Sabah. Politeknik ini dipilih kerana menawarkan program Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) dan Diploma Pelancongan Rekreasi (DRT) yang melaksanakan program eko-pelancongan sebagai sebahagian daripada kurikulum pembelajaran. Sampel kajian terdiri daripada 211 orang pelajar yang dipilih. Responden merangkumi pelajar dari kedua-dua program DUP (55%) dan DRT (45%) dari semester satu hingga semester latihan industri. Pemilihan sampel ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklum balas yang menyeluruh sejauh mana eko-pelancongan dapat memberi minat pelajar untuk menjadi usahawan. Borang soal selidik yang dibina sendiri telah digunakan sebagai instrumen utama kajian. Instrumen ini mengandungi DUA (2) bahagian utama iaitu bahagian A maklumat demografi responden merangkumi jantina, program pengajian, semester, HPNM, kediaman, sumber kewangan, dan kategori pendapatan ibu bapa. Seterusnya pada bahagian B iaitu item-item berkaitan minat pelajar untuk menjadi usahawan Eco-pelancongan: Kajian dalam kalangan pelajar yang menggunakan soal selidik 5 skala Likert yang diedarkan secara dalam talian. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan analisis Cronbach Alpha dan mencatatkan nilai 0.962, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Data dikumpul melalui edaran borang soal selidik kepada responden. Analisis data dilakukan secara deskriptif menggunakan perisian SPSS dengan pengukuran tahap berdasarkan nilai min seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019) seperti berikut: 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Responden

Jadual 1: Latar Belakang Responden

| | Item | n | % |
|---|----------------------------|-----|------|
| Jantina | Lelaki | 65 | 30.8 |
| | Perempuan | 146 | 69.2 |
| Program | DRT | 95 | 45.0 |
| | DUP | 116 | 55.0 |
| Semester | 1.00 | 30 | 14.2 |
| | 2.00 | 85 | 40.3 |
| | 3.00 | 21 | 10.0 |
| | 4.00 | 56 | 26.5 |
| | 5.00 | 7 | 3.3 |
| | Latihan Industri | 12 | 5.7 |
| HPNM | 2.00 - 2.99 | 26 | 12.3 |
| | 3.00 - 3.33 | 57 | 27.0 |
| | 3.43 - 3.67 | 57 | 27.0 |
| | 3.68 - 4.00 | 42 | 19.9 |
| | Belum ada HPNM (sem 1) | 29 | 13.7 |
| Kediaman | Kolej Kediaman (Asrama) | 184 | 87.2 |
| | Menyewa | 14 | 6.6 |
| | Tinggal dengan keluarga | 13 | 6.2 |
| Sumber utama kewangan sepanjang pengajian | Bekerja sendiri | 5 | 2.4 |
| | Bergantung kepada ibu bapa | 130 | 61.6 |
| | Biasiswa / dermasiswa | 22 | 10.4 |
| | Pinjaman | 54 | 25.6 |
| Kategori pendapatan ibu bapa | Kurang dari 2,500 | 135 | 64.0 |
| | 2,501 – 3,170 | 36 | 17.1 |
| | 3,171 – 3,970 | 14 | 6.6 |
| | 3,971 – 4,850 | 4 | 1.9 |
| | 4,851 – 5,880 | 8 | 3.8 |
| | 5,881 – 7,100 | 3 | 1.4 |
| | 7,101 – 8,700 | 3 | 1.4 |
| | 8,701 – 10,970 | 8 | 3.8 |

Berdasarkan kepada Jadual 1, majoriti responden terdiri daripada perempuan (69.2%) berbanding lelaki (30.8%). Dari segi program pengajian, majoriti pelajar mengikuti program DUP (55.0%) berbanding DRT (45.0%). Kebanyakan responden berada di semester dua (40.3%), diikuti oleh semester empat (26.5%) dan semester satu (14.2%). Dari segi pencapaian akademik, majoriti pelajar mempunyai HPNM dalam lingkungan 3.00 – 3.33 (27.0%) dan 3.43 – 3.67 (27.0%). Dari aspek kediaman, kebanyakan pelajar menetap di kolej kediaman (87.2%). Sumber utama kewangan pelajar bergantung kepada ibu bapa (61.6%), dengan sebahagian mendapatkan pinjaman (25.6%) dan biasiswa (10.4%). Selain itu, sebahagian besar ibu bapa responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,500 (64.0%), menunjukkan kebanyakan pelajar berasal dari keluarga berpendapatan rendah.

2. Analisis Minat Untuk Menjadi Usahawan Eko-pelancongan: Kajian Dalam Kalangan Pelajar

Jadual 2: Hasil Analisis SPSS

| No | Item | SP | Min | Tahap |
|----|--|-------|-------|-----------|
| G1 | Saya berminat untuk menceburi bidang keusahawanan dalam eko-pelancongan. | 0.856 | 3.559 | Sederhana |
| G2 | Saya yakin mampu menguruskan perniagaan berkaitan eko-pelancongan. | 0.824 | 3.498 | Sederhana |
| G3 | Bidang eko-pelancongan menawarkan peluang keusahawanan yang menarik untuk saya. | 0.843 | 3.664 | Sederhana |
| G4 | Saya percaya eko-pelancongan mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan. | 0.860 | 3.735 | Sederhana |
| G5 | Saya ingin menggunakan kreativiti saya untuk membangunkan perniagaan eko-pelancongan. | 0.821 | 3.626 | Sederhana |
| G6 | Saya bermotivasi untuk belajar kemahiran yang diperlukan dalam bidang eko-pelancongan. | 0.834 | 3.678 | Sederhana |
| G7 | Saya melihat diri saya sebagai seorang usahawan eko-pelancongan pada masa depan. | 0.853 | 3.493 | Sederhana |

Berdasarkan kepada Jadual 2, secara puratanya, majoriti pelajar menunjukkan tahap minat dan keyakinan yang sederhana terhadap keusahawanan dalam bidang eko-pelancongan. Mereka melihat potensi besar dalam sektor ini untuk menjana pendapatan serta menawarkan peluang yang menarik dalam kerjaya mereka. Berdasarkan kepada min tertinggi, dapatan ini menjelaskan bahawa ramai pelajar percaya bahawa eko-pelancongan mempunyai potensi besar untuk menjana pendapatan (min 3.735). Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti eko-pelancongan memberi impak positif dalam suatu kawasan dari segi penawaran peluang pekerjaan kepada ahli-ahli komuniti setempat. Para penduduk tempatan di sekitar kawasan eko-pelancongan dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan seterusnya meneguhkan ekonomi mereka seperti menjadi peruncit yang menjual pelbagai jenis barangan, menjadi pembekal dan pemborong dan seterusnya pengusaha dalam industri eko-pelancongan ini (Aziz et al., 2021). Selain itu, pelajar lebih mempunyai motivasi untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan dan menggunakan kreativiti dalam membangunkan perniagaan berkaitan eko-

pelancongan (min 3.678). Di samping itu, majoriti pelajar beranggapan bidang eko-pelancongan dapat menawarkan peluang keusahawanan yang menarik (min 3.664). Teck Guan Cocoa Village di Tawau Sabah merupakan salah satu destinasi eko-pelancongan yang menawarkan produk eko-pelancongan yang berteraskan kepada alam semulajadi seperti air terjun dan juga penghasilan produk jenama HOKO telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitarnya dan menambahbaik fasiliti jalanraya ke kampung-kampung berhampiran. Impak positif ini berlanjutan dengan wujudnya akses kepada internet dan juga jaringan kolaborasi dengan agensi kerajaan mahupun swasta dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat khususnya. Berdasarkan analisis ini, secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan kesediaan dan aspirasi responden untuk menjadi usahawan dalam bidang eko-pelancongan pada masa hadapan.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa majoriti pelajar menunjukkan minat yang sederhana terhadap bidang keusahawanan eko-pelancongan. Mereka percaya bahawa bidang ini menawarkan peluang yang menarik dan berpotensi menjana pendapatan yang lumayan. Selain itu, kebanyakan pelajar juga yakin dengan kebolehan mereka untuk menguruskan perniagaan dalam bidang ini serta bermotivasi untuk mempelajari kemahiran yang diperlukan bagi memantapkan lagi pengetahuan dalam eko-pelancongan. Walaupun begitu, terdapat cabaran seperti kekurangan modal dan kurangnya pendedahan terhadap industri eko-pelancongan yang menjadi penghalang kepada mereka untuk menceburi bidang ini. Polisi dan sokongan kewangan seperti geran permulaan serta insentif khas perlu diwujudkan bagi membantu pelajar memulakan perniagaan eko-pelancongan mereka. Dengan pelaksanaan strategi yang berkesan seperti latihan, sokongan kewangan dan kolaborasi industri, minat ini boleh diterjemahkan kepada tindakan yang lebih nyata dan produktif dalam membangunkan sektor eko-pelancongan di Malaysia. Hal ini kerana, eko-pelancongan dapat dilihat sebagai salah satu bidang yang sangat berpotensi bagi mempersiapkan mereka menjadi usahawan yang berjaya.

Rujukan

- Abdullahi, A. I., Zainol, F. A., Daud, W. N. W., & Yazid, A. S. (2017). Entrepreneurial intention revisited: Measuring the impact of socio-cultural business environment using structural equation modeling. *World Applied Sciences Journal*, 35(8), 1445-1456.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179-211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T).
- Aziz, R. C., Marican, N. D., & Hamzah, S. (2021). Peluang dan potensi Hutan Lipur Sungai Sedim sebagai produk eko pelancongan di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1). <http://dx.doi.org/10.17576/geo-2021-1701-09>
- Bansil, P. D. D., Capellan, S. A. R., Castillo, R. C., Quezon, C. D., & Sarmiento, D. M. B. 2015. Local community assessment on the economic, environmental and social aspects of ecotourism in Lobo, Philippines. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 3(4), 132-139.
- Christopher Perumal, Zaini Sakawi & Siti Khatijah Zamhari. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 94 – 108
- Er, A.C., & Nurul, B.M.L. (2013). Tahap kefahaman ekopelancongan dalam kalangan komuniti lokal di Lata Jarum, Raub, Pahang. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8(2), 27-34.
- Fennell, D. A. (2020). *Ecotourism*. Routledge.

- Goeldner, C. R., Ritchie, J. R. B. & McIntosh, R. W. (2000). *Tourism. Principles, Practices, Philosophies*, John Wiley & Sons, New York.
- Malaysia Tourism Statistics. Tourism Malaysia & Immigration Department <https://data.tourism.gov.my/> Dicapai pada 2025-4-17
- Mayan, S. N. A., & Nor, R. M. 2017. Prospects and challenges of ecotourism sector and poverty eradication in Sabah: The case of orangutans and Mabul Island. *Global Journal of Social Sciences Studies*, 3(1), 1-12.
- Nor Asaha, N. S. L. (2025, Januari 6). Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 sasar 35.6 jutapelancong antarabangsa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/705690/berita/nasional/kempen-tahun-melawat-malaysia-2026-sasar-356-juta-pelancong-antarabangsa>
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Ross, S. & Wall, G. (1999). Ecotourism: towards congruence between theory and practice. *Tourism Management* 20: 123-132
- Sadry, Bahram N. "Introduction to Fundamentals of Geotourism With a Special Emphasis on Iran" *OpenEdition Journals*. Dicapai pada 2025-04-15
- Sadry, B. N. (2009). Fundamentals of geotourism with a special emphasis on Iran. *Tehran: Samt Organization Publishers* (220 pp. English Summary available Online at: <http://physio-geo.revues.org/3159>).
- Slyvia Nabila Azwa Ambad & Dayang Haryani Diana Ag Damit (2016). Determinant of entrepreneurial intention among undergraduate students in Malaysia. *Procedia Economics and Finance*, 37, 108-114.
- Yahaya Ibrahim. (2008). *Pembangunan Pelancongan dan Perubahan Komuniti*. DawamaSdn. Bhd. Selangor.
- Zafir & Fazirah. (2007). *Menjadi Usahawan. PTS Bisnes dan Pengurusan*. Kuala Lumpur
- Zenkin, M. (1981). Entrepreneurs. Key to Growth. *Standford Research Institute Journal*, Second Quarter: 43-48.